

Tumpu bangunkan negara, belum masa bubar Parlimen

● Tindakan menunggu hingga hampir tamat tempoh Parlimen sebelum mengadakan PRU16 bukan sahaja selaras semangat Perlembagaan, malah menghormati mandat diberikan pengundi pada 2022

● Jika kerajaan masih mempunyai majoriti stabil, ekonomi sedang berkembang dan pentadbiran berjalan dengan baik, maka tiada keperluan mendesak untuk mengadakan pilihan raya lebih awal

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Walaupun Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor dibubarkan pada 1 Jun lalu dan DUN Negeri Sembilan pula malam kelmarin, perkara asas sering dilupakan ialah rakyat memberikan mandat kepada kerajaan melalui pilihan raya untuk tempoh maksimum lima tahun.

Oleh itu, secara prinsipnya kerajaan mempunyai tanggungjawab moral dan demokratik untuk menggunakan sepenuhnya tempoh berkenaan bagi melaksanakan dasar, manifesto dan program pembangunan dijanjikan.

Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan "Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar."

Perlu diingat pada peringkat Persekutuan, Parlimen Ke-15 hanya memulakan sidang pertamanya pada 19 Disember 2022, ini bermakna Parlimen semasa hanya akan tamat tempohnya pada 19 Disember 2027.

Dengan kata lain, sehingga hari ini kerajaan masih mempunyai kira-kira setahun enam bulan lagi untuk melaksanakan pelbagai agenda reformasi, program pembangunan dan dasar yang diberikan mandat oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Dalam keadaan kerajaan masih mempunyai majoriti stabil di Dewan Rakyat dan tiada krisis Perlembagaan, kehilangan keabsahan politik atau keadaan luar biasa yang memerlukan pilihan raya diadakan lebih awal, maka kerajaan wajar menggunakan baki tempoh mandat itu sepenuhnya.

Hakikatnya, rakyat memilih kerajaan untuk mentadbir selama lima tahun. Oleh itu, tindakan menunggu hingga hampir tamat tempoh Parlimen sebelum mengadakan PRU16 bukan sahaja selaras semangat Perlembagaan, malah menghormati mandat diberikan pengundi pada 2022.

Membubarkan Parlimen lebih awal tanpa keperluan mendesak bermakna kerajaan sendiri memendekkan tempoh mandat terbabit sedangkan rakyat mengundi untuk membolehkan kerajaan mentadbir dan menyelesaikan masalah negara.

Justeru, pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa kerajaan perlu memberi tumpuan kepada tugas mentadbir dan menyempurnakan agenda pembangunan negara selari dengan semangat demokrasi sebenar.

Kini, Malaysia berada dalam tempoh kestabilan politik yang relatif lebih baik. Oleh itu, keutamaan

negara seharusnya beralih daripada politik kepada ekonomi, pelaburan, penciptaan pekerjaan, reformasi institusi dan peningkatan kesejahteraan rakyat.

Pembubaran Parlimen lebih awal biasanya dilakukan apabila kerajaan berasaskan kedudukannya sedang kuat dan ingin memanfaatkan momentum politik semasa. Walaupun tindakan ini sah di sisi Perlembagaan, ia tidak semestinya selaras dengan kepentingan rakyat.

Tiada keperluan adakan pilihan raya awal

Oleh itu, jika kerajaan masih mempunyai majoriti stabil, ekonomi sedang berkembang dan pentadbiran berjalan dengan baik, maka tiada keperluan mendesak untuk mengadakan pilihan raya lebih awal.

Pelaksanaan sesuatu dasar besar juga memerlukan masa. Program seperti Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), transformasi digital, pembangunan cecerdasan buatan (AI), reformasi pendidikan, pembaharuan fiskal dan pelbagai projek infrastruktur strategik memerlukan kesinambungan pentadbiran.

Jika negara terlalu kerap memasuki musim pilihan raya, fokus kerajaan akan beralih daripada pelaksanaan dasar kepada kempen politik. Akibatnya, keputusan penting terpaksa ditangguhkan dan reformasi yang berjalan akan kehilangan momentum.

Setiap pilihan raya juga memerlukan perbelanjaan besar membabitkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), pasukan keselamatan, logistik, petugas pilihan raya dan pelbagai kos pentadbiran lain.

Dalam keadaan kerajaan sedang memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan defisit fiskal dan

memperkuh kedudukan kewangan negara, adalah lebih wajar sumber awam digunakan untuk pembangunan rakyat berbanding membiayai pilihan raya yang boleh dielakkan.

Selain itu, pelabur tempatan dan asing sentiasa memberi perhatian kepada kestabilan politik sesebuah negara. Apabila kerajaan memberikan petunjuk bahawa ia akan menggunakan sepenuhnya tempoh mandat dan memberi fokus kepada pelaksanaan dasar, mereka akan memperoleh keyakinan persekitaran dasar negara akan kekal stabil.

Sebaliknya, spekulasi pilihan raya berpanjangan boleh mewujudkan ketidakpastian dan menyebabkan sebahagian pelabur mengambil pendekatan tunggu dan lihat.

Oleh itu, keputusan menumpukan kepada pentadbiran negara berbanding pilihan raya sebenarnya menghantar mesej positif kepada komuniti pelaburan antarabangsa.

Dalam jangka panjang, Malaysia wajar mempertimbangkan satu pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan bagi memperkenalkan sistem *Fixed-Term Parliament* seperti diamalkan di beberapa negara demokrasi lain.

Melalui sistem ini, tempoh Parlimen ditetapkan secara jelas dan pilihan raya umum diadakan pada tarikh tertentu, kecuali dalam keadaan luar biasa seperti kehilangan majoriti atau usul tidak percaya yang berjaya.

Sistem ini mempunyai beberapa kelebihan seperti mengurangkan manipulasi tarikh pilihan raya untuk kepentingan politik, memberikan kestabilan kepada kerajaan dan pasaran, membolehkan perancangan pembangunan jangka panjang, mengurangkan budaya politik berterusan serta memastikan kerajaan memberi tumpuan kepada prestasi pentadbiran.

Malaysia sudah mengambil langkah besar melalui pengenalan Akta Anti Lompat Parti pada 2022. Langkah seterusnya yang logik adalah menimbang pembentukan sistem *Fixed-Term Parliament* bagi memantapkan demokrasi negara selaras dengan negara lain seperti Amerika Syarikat (AS) dan Indonesia.

Justeru, pendirian Perdana Menteri bahawa kerajaan perlu menumpukan perhatian kepada tugas mentadbir negara dan tidak tergesa-gesa membubarkan Parlimen adalah pendirian bertanggungjawab serta berorientasikan kepentingan negara.

Ini kerana rakyat memilih sesebuah kerajaan untuk bekerja, bukan untuk berpolitik. Dalam keadaan kerajaan masih mempunyai mandat sah, majoriti stabil dan pelbagai agenda pembangunan yang belum disempurnakan, keutamaan sewajarnya diberikan kepada pembangunan negara, bukannya kepada percaturan politik pilihan raya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)

